BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj: 03/14/03

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum jam 1800 hari Rabu, 19 Mac 2014

Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2013

Pada tahun 2013, ekonomi global berkembang pada kadar sederhana dalam keadaan pertumbuhan yang tidak sekata merentas ekonomi. Dalam ekonomi maju, pertumbuhan bertambah baik secara beransur-ansur. Walau bagaimanapun, kadar pemulihan adalah agak sederhana dengan ketidakpastian dasar dan halangan struktur yang terus menjejaskan permintaan secara keseluruhan. Pertumbuhan dalam ekonomi sedang pesat membangun menjadi sederhana memandangkan permintaan dalam negeri terjejas oleh kelemahan permintaan luar negeri yang berpanjangan. Dalam beberapa ekonomi sedang pesat membangun, pertumbuhan juga menerima kesan daripada langkah dasar yang diperkenalkan untuk mengurus kelemahan dalam negeri. Selain itu, perubahan dalam jangkaan pasaran terhadap pengurangan tahap akomodasi dasar monetari Amerika Syarikat (AS) menjelang separuh kedua tahun 2013 telah menyebabkan aliran modal bertukar arah (reversals) dalam jumlah yang besar daripada ekonomi sedang pesat membangun. Berlatarkan perkembangan ini, inflasi global menurun, mencerminkan keadaan permintaan yang sederhana dalam kebanyakan ekonomi dan harga komoditi bukan tenaga yang lebih rendah.

Meskipun persekitaran luaran adalah lebih lemah, ekonomi Malaysia terus berkembang pada tahun 2013, didorong oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang kukuh. Laporan Tahunan 2013 ini memberikan analisis perkembangan ekonomi Malaysia dan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia (Bank) pada tahun 2013. Laporan ini juga mengandungi penilaian mengenai prospek ekonomi Malaysia berlatarkan perkembangan ekonomi dan kewangan global masa kini serta cabaran utama pada masa hadapan.

Ekonomi Malaysia pada Tahun 2013

Ekonomi Malaysia berkembang pada kadar 4.7% pada tahun 2013 (2012: 5.6%), didorong oleh pertumbuhan dalam negeri yang terus kukuh. Meskipun

persekitaran luaran lebih lemah pada separuh pertama tahun 2013, permintaan dalam negeri terus berdaya tahan sepanjang tahun 2013, didorong oleh aktiviti sektor swasta yang teguh. Penggunaan swasta disokong terutamanya oleh keadaan guna tenaga dan kenaikan pendapatan yang menggalakkan. Pelaburan swasta disokong oleh perbelanjaan modal dalam sektor perlombongan, perkhidmatan dan perkilangan. Prestasi pertumbuhan yang lebih sederhana pada tahun 2013 sebahagian besarnya disebabkan oleh perkembangan dalam sektor luaran. Permintaan daripada ekonomi maju dan serantau yang lebih perlahan pada separuh pertama tahun 2013 menyumbang kepada kemerosotan keseluruhan eksport benar pada tahun tersebut. Ini diburukkan oleh import benar yang terus meningkat sepanjang tahun 2013 berikutan pertumbuhan mampan dalam pelaburan dan penggunaan dalam negeri, yang seterusnya menyebabkan penguncupan dalam eksport bersih.

Penggunaan swasta kekal kukuh pada 7.6% pada tahun 2013, disokong terutamanya oleh keadaan guna tenaga dan kenaikan pendapatan yang menggalakkan. Penggunaan swasta juga disokong oleh bantuan Kerajaan kepada isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana serta akses kepada pembiayaan yang berterusan untuk peminjam yang mempunyai rekod kredit yang baik. Penggunaan awam mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada 6.3% pada tahun 2013 disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi.

Meskipun aktiviti pelaburan menjadi sederhana berbanding dengan pertumbuhannya yang sangat kukuh pada tahun 2012, ia terus disokong oleh perbelanjaan modal sektor swasta. Pelaburan swasta terus mencatat kadar pertumbuhan dua angka sebanyak 13.6% didorong oleh perbelanjaan modal pelabur domestik dan pelabur asing dalam sektor perlombongan, perkhidmatan dan perkilangan. Pelaburan awam mencatat pertumbuhan positif yang kecil sebanyak 0.7%, berikutan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang menurun. Walau bagaimanapun, ia diimbangi oleh peningkatan perbelanjaan modal oleh perusahaan awam, yang disalurkan terutamanya kepada sektor minyak dan gas, serta pengangkutan dan tenaga.

Dari perspektif penawaran, peningkatan permintaan dalam negeri yang terus kukuh menyumbang kepada pengembangan aktiviti berkaitan dalam negeri bagi sektor perkhidmatan dan perkilangan pada tahun 2013. Industri berorientasikan eksport dalam sektor perkilangan mendapat manfaat daripada keadaan luaran yang bertambah baik pada separuh kedua tahun 2013. Aktiviti yang mantap dalam subsektor kediaman dan kejuruteraan awam menyumbang kepada pertumbuhan sektor pembinaan yang terus kukuh.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Keadaan pasaran pekerja kekal menggalakkan pada tahun 2013 apabila pengembangan aktiviti ekonomi merentas semua sektor telah menyokong permintaan terhadap pekerja. Guna tenaga mencatat pertumbuhan kukuh 4.8%, manakala jumlah pemberhentian pekerja pula menurun, menyarankan bahawa kebanyakan syarikat berupaya untuk membuat penyesuaian terhadap dasar gaji minimum. Pada tahun 2013, kadar pengangguran kekal rendah pada 3.1%.

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), kekal sederhana pada 2.1% pada tahun 2013 (2012: 1.6%). Inflasi purata adalah rendah pada 1.7% pada lapan bulan pertama tahun 2013 sebelum meningkat kepada 2.9% pada empat bulan terakhir tahun itu. Inflasi yang lebih tinggi pada tempoh tersebut didorong oleh faktor kos dan bekalan dalam negeri, disebabkan pelarasan menaik terhadap harga ditadbir dan kekurangan bekalan dalam negeri akibat faktor berkaitan cuaca. Meskipun terdapat pertumbuhan penggunaan swasta yang kukuh dan peningkatan gaji yang mampan pada tahun itu, kapasiti produktif yang mencukupi dalam ekonomi telah membantu membendung tekanan permintaan. Oleh itu, inflasi teras, iaitu penunjuk tekanan harga berasaskan permintaan, menjadi sederhana kepada 1.8% pada tahun 2013.

Sektor luar negeri Malaysia kekal berdaya tahan pada tahun 2013 dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global yang mencabar. Imbangan pembayaran keseluruhan terus kukuh, disebabkan oleh lebihan akaun semasa yang lebih daripada mengimbangi aliran keluar bersih dalam akaun kewangan. Pada separuh pertama tahun 2013, akaun semasa mencatat lebihan yang lebih kecil sebanyak RM11.2 bilion, disebabkan oleh lebihan perdagangan yang lebih kecil walaupun defisit akaun perkhidmatan dan pendapatan lebih rendah. Kelemahan ekonomi negara maju yang berterusan, pertumbuhan ekonomi serantau yang lebih perlahan daripada jangkaan serta harga komoditi utama Malaysia yang lebih rendah telah menyebabkan kemerosotan yang ketara dalam eksport negara. Selain itu, defisit akaun perkhidmatan dan pendapatan lebih kecil disebabkan terutamanya oleh penerimaan perjalanan bersih yang lebih tinggi berikutan pelancongan dalam rantau yang bertambah kukuh, dan pembayaran pendapatan utama bersih yang lebih rendah, mencerminkan keuntungan lebih tinggi syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri. Pada separuh kedua tahun 2013, lebihan akaun semasa meningkat kepada RM26.1 bilion apabila pertumbuhan eksport kembali positif, didorong oleh permintaan lebih tinggi terhadap produk perkilangan dan komoditi. Ini terus diperkukuh oleh harga minyak sawit mentah (CPO) dan gas asli cecair (LNG) yang lebih menggalakkan berbanding dengan separuh pertama tahun 2013. Pertumbuhan import kekal kukuh sepanjang tahun 2013, berikutan permintaan dalam negeri yang teguh.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Bagi keseluruhan tahun 2013, akaun semasa mencatat lebihan sebanyak RM37.3 bilion (2012: RM57.3 bilion).

Akaun kewangan terus mengalami aliran dua hala yang mampan, melibatkan urus niaga kewangan merentas sempadan oleh pemastautin dan bukan pemastautin. Prestasi ekonomi dan prospek pertumbuhan terus menyokong keyakinan pelabur antarabangsa, lantas menyebabkan aliran pelaburan langsung masuk yang nyata lebih tinggi. Aliran masuk pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) agak meluas merentas sektor, dengan aliran masuk yang ketara ke dalam sektor perkilangan dan perlombongan. Walau bagaimanapun, pelaburan langsung keluar menjadi sederhana selaras dengan prospek pertumbuhan ekonomi serantau yang lebih sederhana. Pasaran modal Malaysia yang mendalam dan prospek pertumbuhan yang secara relatif menggalakkan, kekal menarik bagi pelabur portfolio asing. Walau bagaimanapun, aliran portfolio mengalami turun naik yang ketara pada tahun 2013. Aliran masuk bersih pelaburan portfolio bukan pemastautin adalah kukuh pada awal tahun 2013, tetapi berikutan penunjuk yang diberikan oleh Federal Reserve (Fed) bahawa pengecilan skala program pembelian asetnya mungkin berlaku pada bulan Mei, telah mengakibatkan aliran keluar portfolio yang ketara antara bulan Mei hingga Ogos. Bagi tahun 2013, pelaburan portfolio bukan pemastautin mencatat aliran masuk bersih yang lebih kecil. Secara keseluruhan, akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM15 bilion pada tahun 2013.

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM318.1 bilion (USD95.8 bilion) pada akhir tahun 2013 (2012: RM252.8 bilion), bersamaan dengan 33.5% daripada Pendapatan Negara Kasar atau PNK (2012: 27.9% daripada PNK). Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang yang lebih tinggi pada tahun 2013 sebahagian besarnya mencerminkan pengeluaran bersih peminjaman luar negeri oleh perusahaan awam dan sektor swasta bukan bank. Kerajaan Persekutuan terus mencatat pembayaran balik bersih hutang luar negeri. Sementara itu, hutang luar negeri jangka pendek yang lebih tinggi pada tahun 2013 sebahagian besarnya adalah hasil daripada pengeluaran bersih peminjaman antara bank, terutamanya untuk pengurusan kedudukan mudah tunai pertukaran asing. Penambahan nilai beberapa mata wang utama dan serantau berbanding dengan ringgit pada tahun 2013 juga menyumbang kepada hutang luar negeri yang lebih tinggi dalam nilai ringgit. Secara keseluruhan, hutang luar negeri Malaysia kekal terurus. Profil hutang terus tertumpu pada struktur matang yang lebih panjang, dengan hutang jangka sederhana dan jangka panjang mencakupi 59.7% daripada jumlah hutang luar negeri.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat sebanyak RM14.6 bilion kepada RM441.9 bilion pada akhir tahun 2013 (akhir tahun 2012: RM427.2 bilion). Pada 28 Februari 2014, paras rizab berjumlah RM427.6 bilion (bersamaan dengan USD130.6 bilion), memadai untuk membiayai 9 bulan import tertangguh dan ialah 3.3 kali hutang luar negeri jangka pendek. Rizab antarabangsa Bank kekal boleh digunakan dan tiada halangan untuk menggunakannya.

Pengurusan Ekonomi dan Monetari pada Tahun 2013

Dasar monetari pada tahun 2013 tertumpu pada usaha untuk mengimbangi risiko antara prospek pertumbuhan dalam negeri dan inflasi. Berlatarkan ketidakpastian yang meningkat dalam imbangan risiko prospek pertumbuhan dan inflasi, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.00% pada tahun 2013. Walaupun risiko kepada pertumbuhan dalam negeri dan inflasi pada amnya dinilai sebagai seimbang pada awal tahun 2013, namun ketidakpastian berhubung dengan imbangan risiko meningkat menjelang separuh kedua tahun 2013. Meskipun momentum pertumbuhan dijangka bertambah baik pada separuh kedua tahun 2013 hingga ke tahun 2014, ketidakpastian mengenai kekukuhan pemulihan global dan sejauh mana konsolidasi fiskal dan rasionalisasi subsidi akan menjejaskan permintaan dalam negeri, kekal sebagai risiko utama kepada pertumbuhan menjadi lebih perlahan. Berikutan pelarasan menaik terhadap harga ditadbir pada akhir tahun, dinamik inflasi beralih dan inflasi dijangka meningkat pada bulan-bulan seterusnya pada tahun 2013 hingga ke tahun 2014. Berdasarkan penilaiannya terhadap kemungkinan risiko pertumbuhan yang lebih rendah dan risiko inflasi menjadi tinggi, MPC berpendapat bahawa dengan mengekalkan paras OPR, akan memberikan hasil terbaik untuk mencapai matlamat dasar monetari. MPC juga memutuskan bahawa memandangkan risiko ketidakseimbangan kewangan hanya wujud dalam segmen tertentu ekonomi sahaja, instrumen lain adalah lebih sesuai untuk menangani risiko-risiko tersebut. Oleh itu, langkah kehematan makro diperkenalkan pada bulan Julai untuk mengurus risiko ketidakseimbangan kewangan melalui pelaksanaan secara bersasaran.

Perkembangan utama pada separuh kedua tahun 2013 ialah aliran modal yang bertukar arah dan keluar daripada ekonomi pasaran sedang pesat membangun berikutan penunjuk daripada Fed mengenai kemungkinan berlakunya pengecilan skala program pembelian asetnya. Meskipun saiz dan turun naik dalam aliran keluar modal telah meningkat sejak bulan Mei 2013, pelarasan mata wang domestik dan pasaran kewangan adalah teratur. Sistem kadar pertukaran apungan terurus memberikan fleksibiliti kepada kadar pertukaran ringgit untuk memudahkan pelarasan. Kedalaman sistem

kewangan juga memastikan bahawa pengurusan bagi aliran yang tidak menentu ini tidak menyebabkan gangguan terhadap aktiviti ekonomi. Permintaan yang semakin bertambah daripada pelabur institusi dalam negeri memberi sokongan asas kepada pasaran bon dan membendung kenaikan kos peminjaman yang ditanda aras kepada kadar hasil bon. Oleh itu, limpahan terhadap ekonomi adalah minimum.

Prestasi ringgit pada tahun 2013 dipengaruhi terutamanya oleh aliran portfolio dan perdagangan dua hala, mencerminkan perkembangan antarabangsa dan dalam negeri. Pada empat bulan pertama tahun 2013, ringgit secara relatifnya stabil. Selepas itu, terdapat penunjuk mengenai kemungkinan pengecilan skala program pembelian aset oleh Fed, lantas mengubah jangkaan pasaran dan mendorong aliran portfolio bertukar arah dan keluar daripada kebanyakan pasaran serantau, sekali gus menyebabkan penyusutan nilai dalam kebanyakan mata wang serantau, termasuk ringgit. Bagi tahun 2013 secara keseluruhan, ringgit telah menyusut nilai sebanyak 6.8% kepada RM3.2815 berbanding dengan dolar AS pada akhir tahun 2013.

Pada tahun 2013, kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) didorong terutamanya oleh faktor luaran. Sementara penunjuk yang diberikan oleh Fed mengenai kemungkinan pengecilan skala program pembelian asetnya telah menyebabkan aliran keluar portfolio yang ketara daripada pasaran bon, kenaikan kadar hasil MGS pada amnya lebih kecil berbanding dengan pasaran di seluruh rantau ini. Ini berikutan sokongan institusi domestik terhadap pasaran MGS. Dalam pasaran sekuriti hutang swasta (Private debt securities, PDS), kos pembiayaan sekuriti hutang swasta meningkat tetapi kekal menyokong aktiviti pemerolehan dana. Indeks komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) meningkat sebanyak 10.5% (2012: 10.3%) untuk ditutup pada 1867.0 mata. Prestasi asas pasaran yang kukuh itu disokong oleh keyakinan pelabur terhadap prospek ekonomi yang positif bagi Malaysia.

Keadaan mudah tunai kekal stabil sepanjang tahun 2013, walaupun terdapat turun naik yang ketara dalam pasaran kewangan global dan aliran keluar modal. Meskipun terdapat pengeluaran bersih mudah tunai yang disebabkan oleh aliran keluar asing bersih pada tahun 2013, lebihan mudah tunai keseluruhan yang disimpan di Bank Negara Malaysia kekal tinggi. Mudah tunai sektor swasta, seperti yang diukur oleh wang secara luas atau M3, terus berkembang, tetapi pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 8.1% pada tahun tersebut (2012: 9.0%).

Pembiayaan terus menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Walaupun pertumbuhan pembiayaan bersih menjadi sederhana, paras pinjaman yang

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

dikeluarkan dan dana yang diperoleh dalam pasaran modal kekal menggalakkan. Permintaan keseluruhan terhadap pembiayaan kasar oleh perniagaan kekal mampan berikutan aktiviti penggunaan dan pelaburan swasta yang terus kukuh. Permintaan untuk pinjaman oleh isi rumah juga mampan, disokong oleh keadaan guna tenaga dan peningkatan gaji yang menggalakkan. Yang penting, kadar pertumbuhan pinjaman terkumpul untuk *kegunaan peribadi* menjadi sederhana kepada 4.6% pada tahun 2013 (2012: 9.1%), sebahagiannya disebabkan oleh langkah awalan yang diperkenalkan oleh Bank pada bulan Julai 2013 untuk memperkukuh amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab. Bagi tahun 2013, pembiayaan bersih kepada sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran PDS meningkat pada kadar tahunan 9.8% (2012: 12.4%).

Prospek Ekonomi Malaysia pada Tahun 2014

Ekonomi Malaysia dijangka terus berada pada landasan pertumbuhan yang stabil pada tahun 2014, dan diunjurkan berkembang sebanyak 4.5%-5.5%. Permintaan dalam negeri dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan, walaupun pada kadar yang lebih sederhana. Pelaburan swasta dijangka mencatat pertumbuhan yang teguh untuk tahun kelima berturut-turut, didorong oleh projek jangka panjang yang sedang dilaksanakan serta permintaan luar negeri yang bertambah baik. Pelaburan awam dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi, disokong perbelanjaan modal oleh Kerajaan dan perusahaan awam. Penggunaan swasta akan disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang kukuh dan peningkatan pendapatan yang mampan. Penggunaan awam dijangka mencatat pertumbuhan lebih rendah disebabkan konsolidasi fiskal yang sedang dilaksanakan.

Selaras dengan peningkatan permintaan luar negeri, prestasi eksport Malaysia dalam kebanyakan kategori produk dijangka meningkat pada tahun 2014. Eksport dijangka terus disokong pertumbuhan positif yang kecil dalam eksport komoditi dan eksport perkhidmatan yang lebih kukuh, disokong oleh Tahun Melawat Malaysia 2014. Pada masa yang sama, import kasar dijangka meningkat pada kadar yang lebih cepat, didorong terutamanya oleh import barangan pengantara yang lebih tinggi. Dengan pertumbuhan import yang terus teguh, lebihan akaun semasa dijangka lebih kecil pada tahun 2014.

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi dijangka mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2014. Sektor perkhidmatan dan perkilangan akan menjadi pendorong utama pertumbuhan keseluruhan, kerana mendapat manfaat daripada persekitaran ekonomi global yang bertambah baik. Sektor pembinaan dijangka terus mencatat pertumbuhan yang tinggi, walaupun pada kadar yang lebih sederhana, berikutan siapnya beberapa projek kejuruteraan awam yang besar yang akan lebih daripada mengimbangi kemajuan projek-

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

projek sedia ada dalam sektor pengangkutan, utiliti, serta minyak dan gas. Pertumbuhan sektor pertanian dijangka bertambah baik berikutan pengeluaran minyak sawit yang lebih tinggi disebabkan kadar hasil dan bilangan pokok kelapa sawit matang yang meningkat. Dalam sektor perlombongan, prestasi yang lebih baik diunjurkan hasil daripada pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi daripada medan laut dalam dan marginal; serta pertambahan minyak daripada medan yang sedia ada.

Inflasi diunjurkan pada purata 3%-4% pada tahun 2014, disebabkan terutamanya oleh faktor kos dalam negeri. Ini termasuk pelarasan harga baru-baru ini berikutan rasionalisasi subsidi dan kesan limpahan daripada pelarasan terhadap harga barangan dan perkhidmatan lain. Tekanan kos yang lebih tinggi, bagaimanapun, akan dibendung sebahagiannya oleh tekanan harga luaran yang rendah, pengembangan berterusan dalam kapasiti dalam negeri serta permintaan dalam negeri yang lebih sederhana.

Walaupun permintaan dalam negeri menjadi sederhana, asas-asas ekonomi Malaysia terus kukuh. Pertumbuhan dijangka didorong oleh sektor swasta merentas aktiviti ekonomi yang pelbagai. Yang penting, guna tenaga kekal kukuh dan pendapatan semakin meningkat. Sistem kewangan berdaya tahan dengan pengantaraan kewangan dijangka memberikan sokongan yang berterusan kepada aktiviti pelaburan dan penggunaan. Kekukuhan kedudukan luaran Malaysia juga kekal menggalakkan, dengan paras rizab antarabangsa yang tinggi dan hutang luar negeri yang berada pada tahap yang berhemat.

Walau bagaimanapun, risiko pertumbuhan global menjadi lebih perlahan dijangka boleh memberikan kesan kepada prestasi ekonomi dalam negeri pada tahun 2014. Ekonomi maju dijangka terus mengalami lebihan kapasiti dalam pasaran pekerja dan produk, sementara ketidaktentuan fiskal boleh menjejaskan kadar pemulihan. Dalam beberapa ekonomi sedang pesat membangun, permintaan dalam negeri mungkin menjadi lebih perlahan daripada jangkaan ekoran langkah-langkah dasar yang dilaksanakan untuk menangani risiko yang berpunca daripada pertumbuhan yang tinggi dalam kredit dan harga aset. Di samping itu, turun naik dalam pasaran kewangan global boleh menyumbang kepada aliran modal yang besar dan tidak menentu. Walaupun persekitaran terus mencabar, ekonomi negara juga boleh mencatat prestasi pertumbuhan yang lebih kukuh jika kadar pemulihan global melebihi jangkaan.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Pengurusan Ekonomi dan Kewangan pada Tahun 2014

Dasar Kerajaan dan Bank Negara Malaysia akan tertumpu pada usaha menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan, di samping mengurangkan risiko yang timbul daripada persekitaran global, inflasi dan pembentukan ketidakseimbangan kewangan.

Matlamat dasar monetari pada tahun 2014 adalah untuk menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan di samping mengurangkan kelemahan yang mungkin timbul daripada inflasi dan pembentukan ketidakseimbangan kewangan. Walaupun tekanan harga dijangka lebih tinggi, sumber inflasi berpunca terutamanya daripada dorongan faktor kos. Pengawasan monetari, bagaimanapun, akan terus tertumpu pada usaha mengenal pasti tanda-tanda yang menunjukkan inflasi akan menjadi lebih meluas dan berpanjangan. Dalam keadaan ini, tindak balas dasar monetari adalah wajar. Yang penting, keadaan kadar faedah antarabangsa dan domestik yang agak rendah untuk tempoh yang berpanjangan boleh menggalakkan amalan pengambilan risiko yang berlebihan. Seandainya ini berlaku dalam segmen ekonomi tertentu, instrumen dasar bersasaran yang lain, seperti langkah-langkah kehematan makro, akan digunakan untuk menangani risiko tersebut. Walau bagaimanapun, langkah-langkah tersebut merupakan pelengkap dan bukan pengganti kepada dasar kadar faedah. Memandangkan terdapatnya jangkaan perubahan yang besar dalam mudah tunai dan aliran modal global, adalah penting bagi memastikan keadaan monetari dan pembiayaan tidak mengakibatkan sebarang ketidakstabilan malah terus memberikan sokongan kepada ekonomi.

Matlamat dasar fiskal pada tahun 2014 adalah untuk memperkukuh dan melaksanakan konsolidasi kedudukan fiskal, di samping memastikan sokongan yang berterusan kepada pertumbuhan dalam negeri dan usaha memelihara kesejahteraan rakyat. Pembaharuan fiskal akan dilaksanakan secara beransur-ansur supaya tidak menjejaskan pertumbuhan. Serentak dengan itu, sumber fiskal akan ditumpukan ke arah sektor ekonomi utama untuk mempercepat peralihan kepada ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi. Pada bulan Jun 2013, Jawatankuasa Dasar Fiskal (Fiscal Policy Committee, FPC) telah ditubuhkan untuk berperanan sebagai jawatankuasa penggubal dasar pusat untuk merumuskan dan melaksanakan strategi fiskal serta memberikan pertimbangan sewajarnya kepada kesan strategi tersebut ke atas makroekonomi secara keseluruhan.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang Diaudit bagi Tahun 2013

Kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia, yang telah diaudit dan disahkan oleh Ketua Audit Negara, kekal kukuh pada tahun 2013. Aset Bank Negara Malaysia berjumlah RM474.2 bilion, dengan keuntungan bersih sebanyak RM5.5 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. Bank Negara Malaysia mengumumkan pembayaran dividen sebanyak RM1.5 bilion kepada Kerajaan bagi tahun 2013.

Bank Negara Malaysia
19 Mac 2014

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my